

Memberi peluang kedua kepada bekas banduan

CERITA Salleh Talib dan Jamil Ahmad yang dibebaskan dari penjara dengan pengampunan setelah mencipta sejarah sebagai tahanan paling lama menjalani hukuman penjara di negara ini bukanlah sekadar cerita yang tiada pengajarannya.

Cerita benar ini boleh dijadikan teladan kepada insan-insan lain terutama sekali bagi mereka yang sering bertindak mengikut nafsu.

Apabila dibebaskan dengan pengampunan, kedua-duanya memanjatkan rasa syukur tidak terhingga kepada Allah s.w.t kerana kini mereka dapat menghirup udara bebas selepas lebih separuh usia dihabiskan di dalam penjara.

Kedua-duanya yang bersahabat diwajibkan hukuman sepanjang hayat pada 1976 selepas terbabit dalam rompakan bersenjata api dalam satu kejadian di Alor Star. Setelah menjalani hukuman penjara selama 30 tahun, 11 bulan dan 9 hari, mereka diberi pengampunan oleh Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan telah dibebaskan.

Jika disoroti kisah hidup mereka berdua, tentu sekali apa yang berlaku dan kesan kepada kehidupan mereka boleh

dijadikan sebagai teladan dan pengajaran hidup insan lain.

Warna-warna kehidupan ada kalanya tidak secerah seperti yang diinginkan. Seringkali perkara yang berlaku dalam hidup adalah sesuatu yang tidak pernah difikirkan akan dialami. Tiada insan yang inginkan derita dalam hidupnya. Kesemuanya adalah dugaan Allah s.w.t untuk menguji sejauh mana manusia beriman kepada-Nya.

Kesilapan dalam hidup juga ada kalanya terlalu mahal harganya. Oleh kerana mengikut nafsu, kesannya juga tidak membawa badan untuk menanggungnya. Seperti mana rasa hati Jamil Ahmad yang menjelaskan, "kerana terlalu ikutkan nafsu, saya dan rakan-rakan sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan wang tanpa memikirkan kesannya."

Tentu sekali, akibat nafsu juga, kesan yang perlu dibayar adalah penderitaan. Dengan linangan air mata, Jamil menjelaskan betapa deritanya hukuman yang dijalani.

Derita yang ditanggung jika boleh tidak dilalui oleh anak-anak muda apabila beliau mengharapkan kisah hidupnya

menjadi teladan kepada anak-anak muda hari ini.

Semoga rayuannya agar anak-anak muda tidak mengikut jalan singkat untuk mencari wang akan didengar dengan suara hati yang jelas oleh semua orang. Cerita sedih, suka, duka adalah kisah-kisah hidup yang perlu dilalui oleh insan yang bernama manusia. Hatta, bagaimana pahit dan derita pun sesuatu kehidupan, insan yang mengalaminya perlu tabah untuk meneruskan kehidupan.

Lantaran itu, Salleh dan Jamil perlu meneruskan kehidupan setelah mengharungi episod sedih di penjara. Mereka juga wajar diberi peluang untuk menghabiskan sisa-sisa usia mereka dengan cara yang baik.

Harapan Salleh agar beliau diterima oleh masyarakat dan bercadang mengajar ilmu agama dan membuat kasut untuk mencari rezeki baru bagi menyara kehidupan seterusnya adalah luahan dan rasa hati yang tidak wajar dipandang sepi oleh masyarakat.

Masyarakat perlu bersedia untuk menerima mereka kerana tanpa sokongan masyarakat amat sukar untuk mana-ma-

na bekas banduan untuk meneruskan kehidupan dengan baik. Sikap penerimaan masyarakat adalah elemen penting bagi bekas banduan untuk merasa diterima dan apabila merasa diterima, proses penyesuaian diri boleh berjalan dengan baik.

Ini seterusnya membawa kepada proses pencarian dan pemerolehan kerjaya untuk menampung kehidupan.

Mereka yang telah menjalani hukuman di penjara dan dibebaskan telah membayar harga kesalahan dengan meringkuk derita di penjara. Penjara juga telah mengajar mereka erti kehidupan dan keinsafan. Apabila mereka keluar, mereka tidak mahu lagi menderita dengan prejudis dan persepsi buruk masyarakat terhadap mereka. Sokongan yang sewajarnya perlu diberikan kepada mereka.

Setiap cerita hidup ada pengajaran. Semoga cerita benar Salleh dan Jamil memberi pengajaran kepada kita semua.